



SIARAN MEDIA

DOF BANGUNKAN PETA RUMPUT LAUT KEBANGSAAN PERKUKUH PENGURUSAN HABITAT PESISIR

PUTRAJAYA, 1 Mac 2026 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) terus memperkukuh pengurusan habitat rumput laut secara sistematik dan berasaskan sains bertepatan dengan sambutan Hari Rumput Laut Dunia pada 1 Mac. Usaha tersebut memberi tumpuan kepada pemetaan dan penilaian habitat sebagai asas pengurusan ekosistem pesisir yang menyokong kelestarian sumber perikanan serta kesejahteraan komuniti pesisir.

Usaha ini dilaksanakan melalui Program Pemetaan Rumput Laut dan Aktiviti Kemasyarakatan menerusi kerjasama strategik bersama Yayasan PETRONAS, dengan sokongan Pusat Biodiversiti Sabah serta rakan pelaksana iaitu Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Malaysia Sabah. Program berkenaan menekankan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem rumput laut, di samping menyokong penyelidikan saintifik serta memperkasa daya tahan komuniti pesisir.

Program dua tahun ini merangkumi pemetaan taburan rumput laut di kawasan air cetek Malaysia, penilaian kepelbagaian spesies dan litupan habitat, penentuan serta pemetaan status stok karbon biru, serta pemerikasaan Penglibatan Komuniti dan Kesedaran Awam (CEPA).

Sehingga kini, pemetaan awal merekodkan liputan kawasan seluas 1,846.1 hektar meliputi Sabah Barat, Labuan serta Melaka dan Negeri Sembilan, dan akan diperluas secara berperingkat mengikut pelan pelaksanaan. Hasil utama inisiatif ini ialah penghasilan Peta Rumput Laut Kebangsaan yang pertama dibangunkan secara komprehensif di peringkat nasional sebagai asas data spatial bagi menyokong Pelan Tindakan Rumput Laut Kebangsaan (NPOA Seagrass). Peta tersebut menjadi rujukan teknikal dalam perancangan pembangunan pesisir termasuk penilaian kesesuaian tapak, pengurangan konflik guna ruang serta pelaksanaan langkah mitigasi bagi melindungi habitat sensitif.

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata pendekatan berasaskan sains ini memperkukuh keupayaan DOF dalam merancang langkah perlindungan habitat secara lebih tepat dan berimpak.

“Rumput laut merupakan komponen penting ekosistem pesisir yang menyokong kelangsungan sumber perikanan dan biodiversiti marin. Penghasilan Peta Rumput Laut Kebangsaan ini menjadi asas penting dalam memperhalusi tindakan pengurusan dan memastikan habitat ini terus berfungsi secara lestari,” katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa cadangan pengurusan dan mekanisme perlindungan akan diperhalusi selaras dengan mandat jabatan di bawah Akta Perikanan 1985.

Dari sudut status rumput laut di Malaysia, kajian desktop dalam laporan Malaysia Marine Ecological Gap Assessment (MEGA) merekodkan 17 taksa rumput laut daripada tiga famili bagi tempoh 1993–2021. Kepelbagaian tinggi direkodkan di Tanjung Andang Shoal, Johor dan Teluk Sepinong, Sandakan, Sabah (16 taksa), manakala *Zostera japonica* direkodkan khusus di Merambong Shoal, Sungai Pulai, Johor. Laporan tersebut turut menunjukkan sebahagian taksa berstatus Least Concern menurut International Union for Conservation of Nature (IUCN), namun terdapat spesies dengan trend penurunan seperti *Enhalus acoroides*, *Halodule pinifolia* dan *Halophila beccarii* yang mengukuhkan keperluan pengurusan dan perlindungan berfokus.

DOF menyeru semua pihak termasuk agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, industri dan komuniti pesisir untuk menyokong pemuliharaan habitat rumput laut melalui amalan pembangunan pesisir yang mampan dan berasaskan sains demi kelestarian biodiversiti marin dan kesinambungan sumber perikanan negara.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my